

## KATA NAMA AM

- ✎ Kata nama am ialah perkataan-perkataan yang digunakan untuk merujuk kepada benda, orang, haiwan, tempat atau perkara yang umum sifatnya.
- ✎ Kata nama am ditulis dengan **huruf kecil** kecuali di awal ayat.

| Kata Nama Am  | Contoh                                                | Contoh Ayat                                                              |
|---------------|-------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------|
| Benda         | kereta, televisyen, buku, komputer.                   | •Saya ada sebuah <b>komputer</b> .<br>• <b>Kereta</b> itu bergerak laju. |
| Orang/Manusia | doktor, peguam, penulis, arkitek, guru, murid, polis. | • <b>Peguam</b> itu bijak.<br>•Dia seorang <b>guru</b> .                 |
| Haiwan        | kucing, harimau, kuda, ayam, burung, beruang.         | • <b>Kuda</b> berlari pantas.<br>•Itu <b>kucing</b> saya.                |
| Tempat        | kampung, bandar, padang, dewan, rumah, sekolah.       | • <b>Bandar</b> itu terletak jauh dari sini.<br>• <b>Dewan</b> itu luas. |

## KATA NAMA KHAS

- ✎ Kata nama khas ialah perkataan-perkataan yang merujuk secara khas kepada sesuatu nama benda, orang, haiwan, tempat, bahasa dan lain-lain.
- ✎ Kata nama khas ditulis bermula dengan **huruf besar** di awal perkataan.

| Kata Nama Khas | Contoh                                                                        | Contoh Ayat                                                                                                          |
|----------------|-------------------------------------------------------------------------------|----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| Benda          | Proton Wira, Toyota, Hikayat Hang Tuah, Pengecut, Asuh, E-Belajar.            | •Adik suka membaca majalah <b>Asuh</b> .<br>•Kereta <b>Toyota</b> ayah berwarna kelabu.                              |
| Orang          | Pak Mat, Datuk Poh, Cikgu Lia, Natasha, Cik Piah, Encik Mizan, Datin Farah.   | • <b>Pak Mat</b> pergi ke kebun.<br>•Gelang itu milik <b>Natasha</b> .<br>•Lawatan <b>Datuk Poh</b> berjalan lancar. |
| Haiwan         | Si Belang, Si Tompok, Sang Buaya, Sang Kancil, Si Montel.                     | • <b>Si Tompok</b> mengejar seekor tikus.<br>• <b>Sang Buaya</b> ditipu oleh <b>Sang Kancil</b> .                    |
| Tempat         | Kampung Ayer, Daerah Tutong, The Mall, Zoo Negara, Tasek Merimbun.            | •Nenek saya tinggal di <b>Kampung Ayer</b> .<br>•Saya membeli belah di <b>The Mall</b> .                             |
| Bahasa         | Melayu, Inggeris, Cina, Arab, Tamil, Malaysia, Indonesia, Perancis, Sanskrit. | •Pembaca berita itu boleh berbahasa <b>Melayu</b> dan <b>Inggeris</b> .<br>•Budak itu fasih berbahasa <b>Cina</b> .  |

Aktiviti Pengukuhan:

Kategorikan perkataan dalam ayat-ayat yang bergaris sama ada nama am atau nama khas.

1. "Bolehkan saya berjumpa dengan Cikgu Mariah?" tanya Halim.
2. Semua guru besar sekolah daerah ini sedang bermesyuarat.
3. "Tulis karangan bertajuk Cita-cita Saya,"kata Cikgu Zuriati.
4. "Benarkah Sultan Haji Hassanal Bolkiah akan ke sekolah ini?" tanya Asyikin.
5. Adik bercita-cita menjadi seorang juruterbang.

Latihan 1:

Tuliskan semula senarai **PERKATAAN** yang terdapat dalam petak pada ruangan yang disediakan mengikut jenisnya.

|               |                  |                 |                   |               |
|---------------|------------------|-----------------|-------------------|---------------|
| 1.Cikgu Zaman | 2.murid          | 3.jalan raya    | 4. dewan          | 5.Dewan Nilam |
| 6.bukit       | 7.Bilik Komputer | 8.Bukit Bendera | 9.Jalan Kota Batu | 10.sekolah    |

| Kata Nama Am |
|--------------|
|              |
|              |
|              |
|              |
|              |

| Kata Nama Khas |
|----------------|
|                |
|                |
|                |
|                |
|                |